

**Usah Pandang Mudah Keupayaan Calon Lawan - Najib
Bernama
20 April, 2013**

PEKAN, 20 April (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Najib Tun Razak meminta semua jentera pilihan raya BN bekerja keras dan tidak memandang mudah keupayaan calon lawan pada pilihan raya umum ke-13 ini.

Perdana menteri berkata hanya dengan kerja keras yang akan dapat menjamin BN memperoleh majoriti yang lebih besar pada 5 Mei ini.

Najib berkata semua jentera tidak boleh memandang rendah kemampuan lawan walaupun calon itu bukannya dari kalangan penduduk tempatan.

"Usaha petugas jentera amat penting bagi mendapatkan majoriti lebih besar daripada sebelum ini, mereka perlu bekerja siang dan malam untuk memberi penerangan kepada pengundi mengenai transformasi yang telah dibuat kerajaan pimpinan BN," katanya ketika berucap semasa melawat Pusat Daerah Mengundi (PDM) Tanjung Medang, di sini Sabtu.

PDM di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bebar itu ialah yang pertama dilawati Najib selepas selesai proses penamaan calon PRU13 bagi kawasan Parlimen Pekan di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah. Najib juga meminta semua pengundi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bebar menyokong calon baharu Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff yang akan bertanding kerusi DUN terbabit.

"Saya percaya calon baharu dapat memberi khidmat dan sumbangan sama seperti penyandang terdahulu kerana beliau membawa kesinambungan pimpinan terdahulu," katanya.

Beliau berkata dengan sokongan padu pada calon baharu, segala bentuk kemajuan, dan transformasi yang ingin dibawa oleh kerajaan untuk kawasan DUN itu, akan tercapai.

Mohammad Fakhruddin akan ditentang calon PKR, Mohd Jafri Ab Rashid.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943755>